

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang merupakan anak jati Negeri Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan untuk memohon kekosongan jawatan di Yayasan Perak seperti berikut: -

1. Jawatan : **Eksekutif Hartanah Gred N29**
2. Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
3. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
4. Taraf Jawatan : Kontrak/ Tetap
5. Jadual Gaji :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,493.00	RM5,672.00	RM145.00

6. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia; dan
 - (b) Berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - (d) Diploma dalam bidang ukur tanah, perancangan bandar dan wilayah, seni bina atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

7. Kemahiran : Mahir dalam perisian bantuan grafik komputer seperti ACAD, perisian-perisian berkaitan *Geographic Information System* (GIS) dan pengendalian drone.
8. Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan tanah di peringkat Kumpulan Pelaksana iaitu permohonan tanah, pendaftaran tanah, pelupusan tanah, hasil tanah, pembangunan tanah (pengambilan balik tanah, pesaka kecil, ukur tanah, penguatkuasaan tanah, mengawasi pelaksanaan kerja-kerja penempatan dan memperakukan kepada Pemungut Hasil Tanah atau pengesahan pelan-pelan yang disediakan oleh Jabatan Ukur, dan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan tanah yang ditentukan dari semasa ke semasa).
9. Tarikh Tutup Iklan : **31 Mac 2023 (Jumaat)**
10. Calon-calon yang berminat hendaklah menghantar permohonan dengan menyertakan salinan Kad Pengenalan, Sijil SPM, Diploma, resume dan sekeping gambar berukuran passport melalui email sumbermanusia@yayasanperak.com.my atau pos ke alamat seperti berikut: -

**Unit Sumber Manusia
Yayasan Perak
Tingkat 1, Wisma Yayasan Perak,
No. 111, Jalan Sultan Idris Shah,
30000 Ipoh,
Perak**

11. Catatan :
- Hanya calon-calon yang terpilih dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - Jika sekiranya calon tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh tutup iklan, calon dianggap **TIDAK BERJAYA**.
 - Keputusan temuduga adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

Tarikh : 23 Mac 2023